

ERTI KEMANUSIAAN MENURUT ISLAM

Oleh: Muhammad Suhail bin Abd Haris @ Mohd Nasir, 1171208,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 Ogos 2020



Topik kemanusiaan sering menjadi perdebatan hangat antara dua pihak yang saling berbalas hujah tentang sesiapa yang lebih manusiawi, lebih peduli tentang makhluk tuhan yang tertindas.

Hujah mengenai siapa yang lebih manusiawi dari yang lain sering dipakai oleh pihak yang selalunya berautoriti dalam sesuatu hal. Islam adalah agama yang mengajar nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat yang ingin hidup dalam suasana yang harmoni.

Kemanusiaan itu tidak diperoleh seseorang hanya dengan memahami erti maksud kemanusiaan itu sendiri. Bahkan kemanusiaan itu sendiri pada zaman moden ini kelihatan kabur pada pandangan masyarakat.

Sama halnya bagi golongan intelektual. Mereka juga tidak memperoleh kemanusiaan hanya kerana dia berilmu.

Kata-kata yang bertasbih kemanusiaan secara asas menekankan kepada kita betapa pentingnya manusia seharusnya membuat kita belajar menanam nilai dan sifat kemanusiaan seperti memandang orang lain dengan tidak mempunyai apa-apa prasangka yang buruk, tidak menilai seseorang berdasarkan warna kulit dan dari mana asal usul mereka

Ketika sebahagian dari masyarakat di negara kita bersolidariti terhadap mangsa keganasan polis, George Floyd di Minneapolis, Amerika Syarikat, mereka ini juga antara yang ditempelak kerana bersikap selektif terhadap bot-bot pelarian yang ingin memasuki negara ini.

Mereka hanya berdiam diri dan bahkan ada yang mengesyorkan supaya bot-bot pelarian dibiarkan di tengah-tengah lautan.

Ternyata kemanusiaan yang diamalkan hari ini masih lagi tidak difahami sepenuhnya oleh masyarakat kita atau disalah tafsir oleh golongan tertentu demi kepentingan kelompok mereka.

Islam sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah agama yang menawarkan



nilai kemanusiaan bermula dari membebaskan perhambaan kepada manusia dan menyeru ketaatan kepada tuhan seluruh alam.

Mengamalkan kemanusiaan itu bererti kita memahami bahawa semua manusia di atas muka bumi ini tanpa mengira apa warna kulit mereka, agama dan kepercayaan perlu diberi layanan yang sepatutnya dengan nilai-nilai

manusiawi.

Lebih kukuh, jika kita melihat seorang penganut Kristian diperlakukan kejam, maka kita harus membelanya. Begitu juga jika seseorang itu Buddha, Yahudi ataupun atheis.

Tidak juga terkecuali bagi golongan yang dikatakan melawan fitrah, golongan LGBT, kerana kemanusiaan tidak memilih sesiapa pun.

Menurut Prof Madya Dr Nazli Muslim, asas pemikiran Islam kepada hubungan etnik adalah persamaan antara sesama manusia.

Semua manusia, biar dari mana asal mahupun keturunan adalah sama sahaja kejadiannya kerana manusia diciptakan Allah SWT dengan sebaik-baik ciptaan berbanding makhluk-Nya yang lain.

Beliau menerangkan terdapat dalil dalam al-Quran yang mana dalam surah al-Isra' 17:70, yang menjelaskan bahawa Allah memuliakan anak cucu Adam seluruhnya dan melebihkan mereka daripada makhluk yang lain.

Nabi Muhammad SWT pernah memberi makanan kepada seorang lelaki tua bukan Islam yang buta walaupun dia selalu mencaci baginda dan Islam.

Namun, penghinaan tersebut tidak menyebabkan baginda berhenti daripada menyuap makanan untuk lelaki buta itu.

Baginda ingin menunjukkan contoh bahawa sebelum hadirnya agama kepada manusia akhlak yang baik dan sifat belas kasihan sesama manusia terlebih dahulu yang perlu mengambil tempat dalam diri setiap manusia.